

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.03.2014

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD
BAHARUDDIN SHAH [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI
KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria serta justifikasi tawaran projek-projek
Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang akan diberi secara rundingan terus atau reka-bina
(*design and built*).

JAWAPAN

Secara dasarnya, semua perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui
tatacara/ peraturan perolehan Kerajaan yang telah ditetapkan sama ada secara
pembelian terus/ lantikan terus, *requisition*, sebut harga atau tender mengikut

had-had nilai yang telah ditentukan. Manakala rundingan terus merupakan pengecualian daripada tatacara/ peraturan perolehan Kerajaan dan hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan tanpa mengira had nilai.

Rundingan terus

Pelaksanaan secara rundingan terus hanya boleh dipertimbangkan berasaskan kepada kriteria dan justifikasi sepertimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus bertarikh 17 April 2002 seperti berikut:

1. Perolehan yang **mendesak dan perlu disegerakan** di mana sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat segera, maka akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam;
2. Perolehan yang **memerlukan kesesuaian penggunaan/ penyeragaman** antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli;
3. Perolehan khusus yang mana hanya **satu syarikat/ pembekal sahaja yang dapat membekalkan** barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki seperti membeli alat ganti;
4. Perolehan yang melibatkan **alat-alat keselamatan atau projek** tertentu

yang **strategik yang perlu dirahsiakan**; dan

5. Perolehan barangan tertentu yang mana terdapat **satu atau dua pembuat Bumiputera sahaja**. Pertimbangan pelaksanaan secara rundingan terus ini adalah bertujuan untuk membantu mewujudkan pembuat Bumiputera yang berdaya saing.

Reka dan Bina (Design and Built)

Bagi kaedah pelaksanaan projek, Kerajaan telah menetapkan bahawa semua projek Kerajaan hendaklah dilaksanakan secara konvensional. Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu, Kementerian diberi kelonggaran untuk melaksanakan projek kerja secara Reka dan Bina (*Design and Built*) tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan bagi Jabatan Teknik.

Kriteria/ asas penentuan bagi projek-projek yang boleh dilaksanakan secara Reka dan Bina (*Design and Build*) yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2012 adalah seperti berikut:

1. Kerja-kerja pembinaan yang **kompleks dan melibatkan kepakaran khusus** yang mana kepakaran tersebut tidak terdapat dalam Kementerian berkenaan atau Jabatan Teknik seperti contoh projek yang memerlukan

- kepakaran atau teknologi tinggi dalam pembinaan Pusat Angkasa Negara;
2. Kerja-kerja pembinaan yang mana **reka bentuk bangunan/ struktur ditentukan oleh sistem kelengkapan, perkhidmatan atau peralatan yang akan ditempatkan** di bangunan tersebut seperti contoh projek *hangar* bagi pesawat penggempur dan *bunker* bagi misil/ peluru; atau
 3. Projek-projek khas yang **perlu disiapkan dalam masa yang singkat** bagi menepati jadual yang telah ditetapkan atau demi kepentingan dan keselamatan Negara yang bukan berpunca daripada kelemahan perancangan Agensi seperti contoh pembinaan Stesen Pusat Penggera Tsunami.

Bagi projek-projek yang mana **telah terdapat reka bentuk atau lukisan piawai**, kaedah pelaksanaan projek secara Reka dan Bina (*Design and Build*) adalah **tidak dibenarkan**.